

perisa

JURNAL PUISI MELAYU

10
2002

Ahmad Kamal Abdullah, Ph.D
Habsah Hassan
Hajah Noraini DSP Hj. Salleh
Latifah Hj. Mohd. Shebli
Mahaya Mohd. Yassin
Margi Leo
Mohamad Daud Mohamad
Mohamad Shahidan
Raz Adiba Radzi
Ratnawati Jamil

Sairah Hj. Antin
Salmiah Ismail
Sakinah Abu Bakar
Selina S. F. LEE
Siti Zainon Ismail
Siti Zaleha M. Hashim
Zakiah Bahari
Zaiton Ajmain
Zailia Sharif
Zurinah Hassan



Catan akrilik karya Sharifah Fatimah Syed Zubir,
berjudul "Reflection: Afterglow", 2001 (63cm x 51 cm).



KANDUNGAN

DARIPADA EDITOR 3

Penyair Wanita dan Sumbangannya kepada Dunia Kesusasteraan Tanah Air

ESEI

Ahmad Kamal

Abdullah, PHD.

7

Sebuah Perjalanan Mencari Sahsiah Kepenyairan Wanita Malaysia

PUISI

Habsah Hassan 26

Pengabdian Jadilah Air Ibu yang Setia

Latifah Hj. Mohd.

Shebli

31

Talak 1999 Api Dalam Sekam Di Langit Mana di Bumi Mana

Hajah Noraini DSP

Hj. Salleh

33

Kita yang Lupa Diri Jangan Biarkan Diri Andai Aku Punya Segala

Siti Zainon Ismail 35

Cebisan Nota Akhir Laila Malam Tanpa Bulan di Bukit Gombak Gerimis Darah Tahun Baru Nota kepada Bumi

Sateria Kencana

Zakiah Bahari 41

Manila Aku di Sini Lautan yang Dalam Kebenaran

Zurinah Hassan 44

Kasih Ibu Pangkal Kesilapan

ESEI

Sakinah Abu

Bakar 46

Warna-warna Dalam Puisi-puisi Penyair Wanita Tahun 1970-an

PUISI

Mahaya Mohd.

Yassin

65

Pertanyaan Kehilangan Air Mata Terima Kasih Ibu

Salmiah Ismail 67

Belantara Di Tebing Sungai Han Imbasan Kembara

Sairah Hj. Antin 70

Di Sini Kita Bermula Perkahwinan Kudus Pertemuan

Siti Zaleha M.

Hashim

73

Dalam Suara Seorang Perempuan

Catatan Malam

Biarkan Terbang

Zaiton Ajamain 76

Kelip-kelip di Kampung Kuantan, di Sungai Selangor Tentang Hijrah Gendola Kasih

ESEI

Mohamad

Shahidan

79

Tinjauan Persoalan Sajak dalam Kumpulan Puisi Empat Penyair Wanita

PUISI

Margi Leo

93

Rasa Fragmen Tengah Malam Di Antara Impian dan Harapan

Ratnawati Jamil 95

Mengajar Anak Bermain Layang-layang Lagu Penambang Merpati Tertusuk Sembili

Selina S.F. Lee 98

Di Kedai Pak Kob Aku Mahu Melihat Bayang-bayangmu Di Kisar Angin Daerah Perhutanan Alahai Rinduku

KK 891-91110 0403
ISBN 0128-8016
Harga RM 15.00

Ras Adiba Radzi 101

Mencapai Bintang –
buat Pak Usman
Segalanya Sementara
Peritnya

ESEI

Mohamad Daud

Mohamad 104
Akuarium Kota dan
Balada Tun Fatimah:
Pembacaan dari
Teori Penerapan

Surat Cinta
Ketika Masa Muda
Bersama Isteri
Lima Tahun
Mengajar di Sekolah
Rendah

Surat Cinta
Ketika Masa Muda
Bersama Isteri
Lima Tahun
Mengajar di Sekolah
Rendah

Surat Cinta
Ketika Masa Muda
Bersama Isteri
Lima Tahun
Mengajar di Sekolah
Rendah

Surat Cinta
Ketika Masa Muda
Bersama Isteri
Lima Tahun
Mengajar di Sekolah
Rendah

Surat Cinta
Ketika Masa Muda
Bersama Isteri
Lima Tahun
Mengajar di Sekolah
Rendah

Surat Cinta
Ketika Masa Muda
Bersama Isteri
Lima Tahun
Mengajar di Sekolah
Rendah

Surat Cinta
Ketika Masa Muda
Bersama Isteri
Lima Tahun
Mengajar di Sekolah
Rendah

BUKU

Zalila Sharif 118

Di Tengah Alam –
Hadijah Rahmat

PENYUMBANG 121

perisa

JURNAL PUASI MELAYU

Ketua Editor

Haji Abdul Rahman Yusof

Editor

Salmiah Ismail

Pentadbiran

Russnah Hj. Mohd. Ali, Abdul Hanif Daud, Siti Hawa Haji Jaafra,
Siti Zainab Ismail, Amelia Heldawati Abdullah, Fatin Suraya @
Wati Hashim, Salamah Shohod, Nor'Azian Yahya, Noor Aini
Hashim, Shaari Shafee, Mohd. Hairimee Abd. Hamid, Mohd.
Shahrul Azree Mohd. Zain



Pengerusi Lembaga Pengelola

Tan Sri Kamarul Ariffin Mohd. Yassin

Ketua Pengarah

Dato' Haji A. Aziz Deraman

Timbalan Ketua Pengarah

Haji Abu Bakar Mohamad

Pengarah Jabatan Sastera

Haji Hamdan Yahya

Pengarah Jabatan Penerbitan

Dato' Dr. Mohd. Anwar Ridhwan

**Ketua Bahagian Penyelarasan Penerbitan
dan Kawal Selia Perswastaan**

Haji Abd. Razak A. Aziz

Alamat

Editor Perisa
Jabatan Sastera
Dewan Bahasa dan Pustaka
Peti Surat 10803
50926 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon

603-21482508

Faks

603-21414109

Perisa diterbitkan setahun sekali, mulai tahun 1993, oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. © Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau diarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dicetak oleh

Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama, Lot 1037
Jalan AU 3/1 54200
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

HAJAH NORAINI DSP HAJI SALLEH

Kita Yang Lupa Diri

Sesungguhnya kita ini miskin 'segala'
 Bangsa yang terbilang
 dengan jiwa 'pahlawan'
 Itu dulu
 Kini kita ini bangsa yang
 sudah lupa diri
 lupa diri
 lupa diri
 lupa diri
 Kasihan bangsaku

Jangan Biarkan Diri

Jangan biarkan diri lenyap
 dalam diri
 pada waktu-waktu begini
 saudaramu disakiti

Jangan biarkan diri
 dibuai mimpi sia-sia

Pada saat-saat kita digempur
 dilanyak, dilontar ke dalam
 jurang hingga tiada daya
 bangun tegak
 dan kita tiada upaya
 sekurang-kurangnya untuk
 mengangkat jari telunjuk
 kerana mangsa itu adalah kita!

Rabiulawal 1423 / Mei 2002

SAIRAH HJ. ANTIN

Di Sini Kita Bermula

Dari kamar batin ini
kucipta sebuah ilusi
antara samar-samar
antara harapan dan impian
menembusi ruang sedar
melewati alam maya
menuju ke pelabuhan sakral

Tak dapat kubandingkan getaran sukma
mengitari dermaga jiwa
kala bertemu dalam diam – sujudku
mengintai cinta penuh rahsia

As-Samad surai, amin dan jin-hyun
As-Samad mani
As-Samad k yang mendoigit
kuanyam kasih ini
bagai Khadijah menyelimuti Muhamad s.a.w.

ketika Jibril mengutus wahyu-Nya

Iqra' han mencuri hati
Iqra' haya perlahan
meski bermula bagi jalin dalam rahim ibunda, tidak mengapa
biar merangka, tidak mengapa
menjadi abid zuhud
memasuki ruang suluk, mencari kebenaran
tidak semudah yang disangka.

Villa ode, Papar, Sabah

17/07/2000

8.17 malam (Isnin)

Sairah Hj. Antin
Papar - Ogos 2000

Perkahwinan Kudus

Isteri, ratna pakaja
 bukan pelabuhan atau persinggahan
 bukan juga penumpang
 pun bukan awak kapal
 tetapi pemilik hakiki
 bersama nakhoda
 melayari bahtera
 mencari daratan
 menuju ke pantai kedamaian dan ketenangan.

Isteri, puspa hati
 bukan pelampiasan nafsu serakah
 bukan boneka permainan suka
 kerana yang memimpin dan dipimpin
 harus saling mengerti, saling akur,
 disulami cinta nan kudus
 penyimpul tanggungjawab menjadi satu
 perkahwinan adalah perkongsian
 yang memimpin akan ditanya oleh ya Khalik
 bagaimana cara memimpin isteri dan anak.

Isteri, pemimpin anak dan pembantu rumah
 penjaga amanah, penjaga harta
 bukan penabur fitnah dunia:

*'Celakalah Abu Lahab
 masuk ke dalam api yang menyala
 dan isterinya, pembawa kayu bakar
 di lehernya ada tali dari sabut'*

bukan itu yang dipinta
 jadilah bidadari suami,
 perhiasan yang terindah adalah isteri yang solehah.

Kita songsong senja melalui jalan berliku-liku
 merencam hidup dengan tabah dan sabar
 mencari bersama kebahagiaan dunia dan akhirat.

Villa ode, Papar
7/7/2000 (Khamis)
10.25 malam

ZAITON AJAMAIN

Kelip-kelip di Kampung Kuantan, di Sungai Selangor

Di Kampung Kuantan, di Sungai Selangor
 pada dedaunan berembang berjuta kelip-kelip
 berkelip-kelap, gemerlap “meriuhan diam”,
 kata Kak Anum (pendayung setia itu) –
 dedaun itu wangi dihidu, enak disantap
 maka kelip-kelip pun santap dan berkelip,
 berkelip-kelip menyantap daun-daun muda berembang
 yang nanti tinggal urat-urat.
 Maka di Kampung Kuantan, di Sungai Selangor itu
 kelip-kelip berkerlipan (dan hanya di situ sahaja),
 menerangi pendayung hilir mudik menerus hidup
 terang, malap, terang, malap,
 namun terus mendayung mencari terang,
 demikian hayat.

- 2 -

Di Kampung Kuantan, di Sungai Selangor
 di daun-daun muda pohon berembang
 kelip-kelip berkelip, berkerlipan, dan,
 kututup mata kubuka rasa,
 mencerna mencerakin kuasa –
 kocakan air, bisikan pendayung
 buaian dingin bayu malam,
 melatari dan sesekala memecah hening, memercik di mata,
 dan kelip-kelip terus mengerlip,
 dan sukma terasa sunyi, walau ceria.
 Di Kampung Kuantan, di Sungai Selangor,
 kelip-kelip terus berkerlipan, kelip-kelap mengerdip,
 kelip santap kerlip.
 Dan aku, kupetik berembang bersama buah
 mengawet muda wajah (walau lara),
 agar bak kelip-kelip yang terus berkelip,
 terpetik tersentuh malap menghilang
 tiada berkelip.

Akhirnya kami pun tiba di tepian

dari jauh kelip-kelip terus berkelip-kelip,

entah mengapa hati menyayu

ada rasa tersentuh cukup sendunya,

di atas dedaunan berembang,

ada dua cahaya

tapi tak berkerlipan!

Sungai Selangor, Selangor Darul Ehsan

3 Oktober 2002

(9 Februari 2003)

Tentang Hijrah

Tuhan, betapa penghijrahan ini
menguji segala tabah dan sabarku
kerana ia hijrah segalanya,

tinggallah beberapa sifat

dilihat lemah dari sahsiah olang-alengah
bak ajung di lautan tak terlihat andatilanya.

Tiada yang paling berhemah

diam walau sebu sebak di dada

dan air mata bak air di empangan

bersiap untuk merempuh.

O Tuhan, lemahkah jika memilih untuk berdiam

sedang bisu itu

take sepatutnya petanda

kelemahan.

Bandar Sri Permaisuri, KL

14 Mac 2002

Gendola Kasih

Mana dia pendayung gendolaku?

Telah lama aku menunggu di terminal ini
sedang penanti saling berganti.

Sesekala aku merenungi, sambil cuba mencerap
merpati yang saling hinggap, saling terbang
hinggap di atas orang-orang di seberang titi
setelah mencicipi makanan di tanganku.

Aku pun telah jenuh membuka hati
memberi-menerima kasih
sedang ungkapan-ungkapan klise
yang kian bernada keji itu
semakin memualkan
sesungguhnya mencabar sabarku
kerana telah lama meredai ini.

Ah, mana kau pendayung gendola?

Tiba-tiba ada suara sayup-sayup menyahut seru.

Nun, berbalam perlahan gendola bergerak

didorong kedua-dua tangan asyik merentaki
bisikan perindu menyayup dibawa kabus
sedang di depan seseorang sedang murung melayan hati
rasa dalam berteka-teki terus iri mencemburui.
Namun, rentak itu kian menjauh
kian hilang bersama percikan arus menyepi.
Rupanya aku telah terlena
dibuai alunan syahdu murni
wirid-wirid Kekasih, zikir-zikir polos, sendu, lirih
membuaiku terus dalam rindu mendalam tak terungkapkanku.

Gendola hati terus tertambat
gendola kasih terus didayung
dan aku tidak lagi menunggu.
Kerana jika pelayaran ini sasarnya
pelabuhan kasih,
aku akan terus merindu
dan Engkau akan sentiasa bersama.

Venice – Bandar Sri Permaisuri, KL
11 April 2002/27 Mei 2002